

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN
PENGAL 5 BAHAGIAN VI) (PENGURUSAN KUMPULAN WANG) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 315 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaihan Penggal 5 Bahagian VI) (Pengurusan Kumpulan Wang) 2008**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 Disember 2008.

Ketidakpakaihan Penggal 5 Bahagian VI Akta

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), peruntukan penggal 5 Bahagian VI Akta ini tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit berhubung dengan sesuatu skim amanah saham yang dibuat oleh seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur yang berikut:
 - (a) seseorang individu yang mempunyai jumlah bersih aset persendirian yang melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;
 - (b) suatu perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir;

- (c) suatu skim amanah saham atau skim pelaburan yang ditetapkan;
- (d) suatu syarikat yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] yang mempunyai budi bicara dalam pelaburan aset amanah yang dimiliki oleh suatu amanah yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;
- (e) suatu perbadanan yang merupakan suatu syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] atau di bawah undang-undang mana-mana negara lain, yang dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta ini dan mempunyai budi bicara dalam pelaburan aset amanah yang dimiliki oleh suatu amanah yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;
- (f) suatu kumpulan wang pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];
- (g) seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;
- (h) mana-mana pemegang yang lain bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
- (i) seseorang yang memperoleh sekuriti menurut suatu tawaran, sebagai prinsipal, jika balasan agregat bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap pemerolehan sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya;

- (j) suatu institusi berlesen;
- (k) suatu bank Islam; dan
- (l) suatu syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553].

(2) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mempelawa untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit kepada pelabur yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(a) hingga (l) hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1) Akta ini.

Pembatalan

3. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Ketidapkakaian Penggal 5 Bahagian IV) 2005 [P.U. (A) 469/2005] dibatalkan.

Dibuat 3 December 2008

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1;PN(PU²)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua